

19 JANUARI 2018

## Bekas pendidik hamba dadah

19-01-2018 | setempat 33

**Kuala Terengganu**

### Bekas pendidik hamba dadah

“Ini yang dikatakan menyesal tiada guna, kerana dadah saya diambil tindakan tatatertib sebelum dibuang kerja sebagai guru,” kata Mazlan 40, (bukan nama sebenar) yang ditahan dalam pemeriksaan rutin dijalankan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)

Kuala Terengganu bermula kelmarin dan berakhir, pagi semalam.

Menurut Mazlan, dia pernah bergelar pendidik, namun tabiat menagih dadah sejak usia remaja akhirnya memakan diri apabila tembelangnya diketahui majikan selepas

ditahan di sekolah tempatnya mengajar.

Menurutnya, dia bukan hanya hilang pekerjaan, malah turut kehilangan keluarga berikutan isterinya yang sudah tidak tahan dengan tabiat buruknya sebagai seorang penagih dadah.